



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

KAJIAN KEPIMPINAN DALAM TEKS *HIKAYAT MELAYU @ SULALATUS SALATIN* 'LONG VERSION' VERSI TENGKU SAID

MARYAM SYAFIQHA BINTI MOHD SAYUTI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN KEPIMPINAN DALAM TEKS *HIKAYAT MELAYU @ SULALATUS SALATIN ‘LONG VERSION’ VERSI TENGKU SAID*

MARYAM SYAFIQHA BINTI MOHD SAYUTI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA
(PERADABAN MELAYU)

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 18(hari bulan) Jun (bulan) 2019

i. Perakuan pelajar :

Saya, MARYAM SYAFIQHA BINTI MOHD SAYUTI (M20161000934) INSTITUT PERADABAN MELAYU dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KAJIAN KEPIMPINAN DALAM TEKS HIKAYAT MELAYU@SULALATUS SALATIN 'LONG VERSION' VERSI TENGKU SAID adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA NORAZIMAH BINTI ZAKARIA dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KAJIAN KEPIMPINAN DALAM TEKS HIKAYAT MELAYU@SULALATUS SALATIN 'LONG VERSION' VERSI TENGKU SAID dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA SASTERA (PERADABAN MELAYU)

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **KAJIAN KEPIMPINAN DALAM TEKS HIKAYAT MELAYU@SULALATUS SALATIN 'LONG VERSION' VERSI TENGKU SAID**

No. Matrik / Matric No.: **M 20161000934**

Saya / I : **MARYAM SYAFIQHA BINTI MOHD SAYUTI**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN ACKNOWLEDGMENT

Alhamdulillahiraabil Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Asyrafilanbya Iwal Mursalin
Waala Alihi Waashabihhi Ajmain

Titipan penghargaan dan kesyukuran ke hadrat illahi.

Pertama sekali, saya tuntukkan ucapan Alhamdulillah kepada Allah S.W.T atas nikmat-nikmat yang diberikan kepada saya tanpa hadrat Allah S.W.T di atas segala nikmat dan kurniaaNya. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat baginda.henti.Tanpa keredhaaNya, tidak mungkin saya dapat menyiapkan penulisan penyelidikan ini dengan jayanya seperti mana yang telah ditetapkan olehMu.

Penghargaan ini juga saya tujuhan ikhlas kepada kedua-dua ayahanda dan bonda saya,
Encik Mohd Sayuti bin Deraman dan Puan Jamilah Omar

Mereka sentiasa menitipkan doa keberkatan saya untuk menuntut ilmu dan melihat kesungguhan saya bagi mendalami bidang kesusasteraan ini. Sumbangan tenaga dan idea yang dicurahkan dari kedua-dua insan sangat bermakna beserta semangat setelah hampir tewas. Dua insan ini sentiasa bersama saya dalam pahit manis penulisan ini.

Buat ayahanda dan bonda,

Encik Hasnan Ahmad dan Puan Nadiah Yan Abdullah

Dua insan yang telah memberi semangat dan dorongan untuk menyelesaikan tesis ini.

Buat kakanda dan adinda saya dan serta jantung hati saya,

**Mohd Syafiq Firdaus, Amal Mujahid dan Erdem Naquib Muhammed
Mahfoudz, Liyana, Hazman dan seorang cilik, Suri**

juga yang sering menjadi peneman saya dan penguat semangat untuk terus berjuang.

Tidak akan lupa, pensyarah pembimbing saya,

Prof. Madya Dr. Norazimah binti Zakaria

yang tidak pernah putus memberi dan terus memberi ilmu yang dimilikinya bagi membuatkan anak muridnya ini terus menulis ke titik noktah terakhir. Terima kasih kerana tidak pernah sekali bosan dan berputus asa memberi tunjuk ajar dan semangat. Moga jasa baiknya akan diganjari dengan kurniaan daripada Allah yang tidak ternilai harganya.

Penghargaan ini turut ditujukan kepada suami tercinta yang sentiasa di sisi dari awal pembinaan tesis ini sehingga berjaya,

Hazwan Hasnan

Insan ini sentiasa setia walaupun dicurangi oleh tesis ini.

Terima kasih semua. Tidak terucap dan tidak tertulis nama kalian yang telah banyak memberikan sokongan dan dorongan yang padu.

'Tiada jalan mudah untuk berjaya.'





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepimpinan berdasarkan pembesar-pembesar zaman Kesultanan Melayu Melaka dalam teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* versi Tengku Said ‘*Long Version*’. Ciri-ciri kepimpinan Islam yang diperkenalkan Abdul Wahab dan Teori Kepimpinan Transformasional Bass dan Avolio digunakan sebagai kerangka konseptual kajian ini. Kajian ini juga menganalisis ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar-pembesar yang agung semasa zaman kesultanan Melaka. Kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kepustakaan yang berfokus kepada pembacaan yang teliti ke atas teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* versi Tengku Said ‘*Long Version*’. Data dianalisis dengan menggunakan kerangka konseptual yang telah dibina dengan menggabungkan ciri-ciri kepimpinan Islam dan ciri-ciri kepimpinan transformasional. Ciri-ciri kepimpinan Islam terdiri daripada optimisme, beriman, syura, teladan yang baik, adil, matang dalam tindakan, kekuatan sifat dalam dan perhatian orang bawah manakala ciri-ciri kepimpinan transformasional terdiri daripada stimulasi intelek, pengaruh ideal dan pertimbangan individu. Analisis secara deskriptif menjelaskan ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar-pembesar yang terdapat dalam teks agung ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembesar-pembesar Melaka memiliki ciri-ciri kepimpinan berlandaskan konsep dan ciri-ciri kepimpinan iaitu Akal/Stimulasi Intelek, Akhlak/Pengaruh Ideal dan Adab/Pertimbangan Individu. Kesimpulannya, data empirikal kajian menunjukkan bahawa teks Hikayat Melayu telah menonjolkan ciri-ciri kepimpinan Islamik dan transformatif oleh pembesar-pembesar Melaka. Implikasi kajian menunjukkan ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pemimpin pada zaman kesultanan Melayu Melaka bukan sahaja bergantung kepada kekuatan ketenteraannya bahkan bergantung kepada ciri-ciri kepimpinan yang telah ada dalam diri masing-masing.





THE STUDY OF LEADERSHIP VALUE BASED ON *HIKAYAT MELAYU @ SULALATUS SALATIN TEXT* 'LONG VERSION' TENGKU SAID VERSION

ABSTRACT

This study aims to study leadership based on the dignitaries of the Malay Sultanate of Malacca in *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* text of Tengku Said version 'Long Version'. The characteristics of Islamic leadership introduced by Abdul Wahab and Transformational Leadership Theory of Bass and Avolio are used as a conceptual framework for this research. The research also analysed leadership qualities possessed by the great leaders during the Sultanate of Malacca. The qualitative method used in this study is library research that focuses on thorough reading of *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* text of Tengku Said version 'Long Version'. Data were analysed using a conceptual framework that was developed by combining Islamic leadership characteristics and transformational leadership characteristics. The characteristics of Islamic leadership consist of optimism, faith, syura, good example, fairness, mature in actions, inner strength and attention to people of lower social orders while transformational leadership characteristics consist of intellectual stimulation, ideal influence and individual considerations. Descriptive analysis describes the leadership qualities possessed by the dignitaries found in this great text. The findings show that the Malacca dignitaries had leadership qualities based on the concepts and leadership qualities of Intelligence/Intellectual Stimulation, Ethics/ Ideal Influence and Manners / Individual Considerations. In conclusion, the empirical data show that the *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* text highlighted the characteristics of Islamic leadership and transformative by the dignitaries of Malacca. The implications of the study show that leadership qualities possessed by leaders in the Malay sultanate era not only depended on their military strength but also depended on the leadership qualities that existed within each individual.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Kajian	10
1.3 Pernyataan Masalah	20
1.4 Objektif Kajian	23
1.5 Soalan Kajian	24
1.6 Kepentingan Kajian	24
1.7 Batasan Kajian	27
1.8 Kaedah Kajian	29
1.9 Definisi Konsep	31
1.9.1 Kepimpinan	31
1.9.2 Kesusasteraan Melayu Tradisional	33
1.9.3 Konsep Pemimpin dan Kepimpinan	34
1.9.4 Optimisme	41
1.9.5 Beriman	41
1.9.6 Syura	42
1.9.7 Teladan yang Baik	43
1.9.8 Adil	43
1.9.9 Matang dalam Tindakan	44
1.9.10 Kekuatan Sifat Dalaman	45
1.9.11 Perhatian Orang Bawah	45
1.10 Kesimpulan	45



**BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	47
2.2	Sorotan Literatur	48
2.3	Kesimpulan	69

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	71
3.2	Reka Bentuk Kajian	72
3.3	Kaedah Kajian	73
3.3.1	Kajian Kepustakaan	73
3.3.2	Kerangka Kajian	76
3.4	Teori Kajian	77
3.5	Konsep Kepimpinan Islam (1992)	77
3.5.1	Mewujudkan Kepimpinan yang Diredhai Allah s.w.t	78
3.5.2	Ciri-ciri Kepimpinan dalam Islam	79
3.5.3	Prinsip-prinsip Kepimpinan Islam	80
3.6	Teori Kepimpinan Transformasional Bass dan Avolio (1993)	86
3.6.1	Pengaruh Ideal (<i>Idealized Influenced</i>)	88
3.6.2	Motivasi Berinspirasi (<i>Inspirational Motivation</i>)	89
3.6.3	Stimulasi Intelek (<i>Intellectual Stimulation</i>)	89
3.6.4	Pertimbangan Individu (<i>Individual Consideration</i>)	90
3.7	Kerangka Konseptual	91
3.8	Kesimpulan	93

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	97
4.2	Ciri-ciri Kepimpinan yang Dimiliki oleh Pemimpin Melaka	98
4.3	Analisis Berdasarkan Teori Kepimpinan Transformasional Bass & Avolio dan Konsep Kepimpinan Islam Abdul Wahab (1993)	102
4.3.1	Akal/Stimulasi Intelek	114
4.3.2	Akhlik/Pengaruh Ideal	129
4.3.3	Adab/Pertimbangan Individu	162
4.4	Kesan Kepimpinan kepada Kesultanan Melayu Melaka	179
4.5	Kesimpulan	185



**BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	186
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	187
5.2.1	Rumusan Kajian	187
5.2.2	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	188
5.3	Saranan dan Cadangan	201
	RUJUKAN	204





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.1 Akal/Stimulasi Intelek Tokoh yang Dipilih	114
4.2 Pengaruh Ideal yang Dimiliki oleh Tokoh Dipilih	129
4.3 Adab/Pertimbangan Individu yang Dimiliki oleh Tokoh yang Dipilih	162
5.1 Gabungan Konsep Akal/Stimulasi Intelek dengan Konsep Kepimpinan Islam	190
5.2 Gabungan Konsep Akhlak/Pengaruh Ideal dengan Konsep Kepimpinan Islam	191
5.3 Gabungan Konsep Adab/Pertimbangan Individu dengan Konsep Kepimpinan Islam	191





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian yang Direka oleh Penyelidik	76
3.2 Prinsip-prinsip Kepimpinan Islam (Abdul Wahab, 1992)	83
3.3 Model Wahab, Bass & Avolio: Gabungan Konsep Kepimpinan Islam (1992) dan Teori Kepimpinan Transformasional Bass dan Avolio (1993)	91





SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

s.w.t Subhanallah wa Ta'ala

s.a.w. Shallallahu'Alaihi Wa Sallam

@ Atau

/ Atau

hlm: Halaman

& Dan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab pengenalan berkaitan dengan kesusasteraan Melayu yang begitu tinggi nilainya dan diangkat pada suatu zaman dahulu. Oleh yang demikian, dalam bab ini turut dimuatkan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi konsep, kaedah kajian, teori kajian dan akhiri dengan kesimpulan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Bidang sastera merupakan suatu bidang yang amat berkait rapat dengan masyarakat di mana ia dapat dikatakan sebagai suatu gambaran berkaitan dengan masyarakat tersebut. Sastera dapat didefinisikan sebagai bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab dan bukan bahasa basahan manakala kesusasteraan merujuk kepada hasil seni iaitu karya tulisan dalam prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015, ms: 1396).

Kesusasteraan memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Ia bukan sahaja bertindak sebagai hiburan semata-mata malah berperanan sebagai kaedah pendidikan kepada masyarakat. Hasil karya sastera yang dicipta sering memuatkan ciri-ciri, adat dan budaya sesuatu bangsa atau kelompok masyarakat itu.



Oleh yang demikian, kesusasteraan Melayu tradisional merupakan suatu karya dan wadah sejak kemunculan kesultanan Melayu Melaka. Sejarah tamadun atau peradaban manusia banyak membuktikan bahawa kesusasteraan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dalam pembinaan sesuatu peradaban. Oleh yang demikian, tidak dapat kita pertikaikan kepentingan sejarah dalam pembentukan sebuah tamadun walaupun telah dibawa oleh era globalisasi alaf baru. Kesusasteraan Melayu harus disebarluaskan supaya ia dapat dihayati dan diterima.

Walau bagaimanapun, dalam pengkajian kesusasteraan Melayu, definisi kesusasteraan selalunya dihubungkan dengan asal usul perkataan kesusasteraan. Perkataan 'sastera' berasal daripada bahasa Sanskrit sastra, disebut 'syastra' yang





bererti kitab suci. Manakala 'Susastra' pula membawa erti seni sastera atau seni bahasa, dan secara umumnya dimaksudkan persuratan. Tambahan 'ke-' di awal dan di akhir kata 'susastra' menyimpulkan maksud yang terdekat, iaitu kesenian persuratan yang bersifat halus atau indah. Oleh yang demikian, dalam perkembangan pengajian kesusasteraan Melayu, istilah 'persuratan' digunakan bagi menjelaskan sekumpulan hasil seni bahasa. Oleh sebab itu, pandangan umum menerima hasil yang tertulis itu sebagai lebih tinggi nilainya daripada hasil lisan (Ali Ahmad, 1994 *ms*: 3-4).

Menurut Hamzah Hamdani pula (1998 *ms*: 19-20) kesusasteraan itu merupakan bidang yang begitu umum dan diperkatakan oleh begitu ramai penulis dan pembicara. Oleh itu, ia tetap hidup dan mengenai semua manusia, ia menjadi bahan bicara ramai, sastera dibicarakan oleh para wartawan, orang politik, orang agama dan ahli akademik sendiri. Selalunya, juga ia menjadi alat kepada mereka yang melihat kesempatan menggunakan sastera untuk kepentingan tertentu. Kefahaman tentang kesusasteraan selalu dihubungkan dengan karya-karya yang ditulis, iaitu hasil daripada peradaban satu-satu masyarakat. Pengertian sedemikian lebih tepat bagi berbicara mengenai apa yang dikatakan 'persuratan' - kegiatan penulis, yang merangkumi segala bentuk ciptaan bertulis seperti buku-buku hukum atau undang-undang, ilmu pengetahuan umum, ilmu bintang dan lain-lain. Walaupun karya-karya puisi, romantik dan drama, dapat juga dimasukkan ke dalam definisi persuratan ini, namun adalah kurang tepat untuk memasukkan karya-karya umpama sejarah, geografi, undang-undang sebagai tergolong ke dalam bidang kesusasteraan.





Namun begitu, Harun Mat Piah (2006, ms: 2) turut memperjelaskan istilah ‘kesusasteraan’ dalam bahasa Melayu bertitik kepada perkataan ‘sastra’ iaitu diperjelaskan secara teliti, di mana ‘sas’ membawa maksud mengarah, mengajar, memberi petunjuk dan juga disebut sebagai arahan. Manakala ‘-tra’ pula ialah alat. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan maksud ‘sastra’ adalah alat untuk mengajar dan buku petunjuk serta arahan atau pengajaran. Sebagai contoh, teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* telah banyak mengajar kita mengenai perjalanan hidup berkaitan dengan keturunan kesultanan Melayu Melaka, asal usul, kepimpinan golongan pembesar, nilai-nilai murni yang wajar diteladani dan sebagainya sebagai satu simbolik yang menunjukkan kekuatan dan kewibawaan masyarakat Melayu pada zaman itu.



Kesusasteraan mempunyai nilai-nilai kehalusan, perasaan, intuiti, harapan, emosi dan lain-lain jenis unsur jiwa. Unsur kehalusan baik daripada sudut bentuk, isi dan maknanya merupakan sifat utamanya yang membezakan ia daripada karya-karya tertulis yang barangkali bercorak deskriptif dan informatif semata-mata.

Sifat ini berhubung rapat dengan sifat halus dan sensitifnya jiwa manusia. Manakala karya undang-undang misalnya sekadar ingin merakamkan peraturan-peraturan yang harus diingati oleh pembaca-pembacanya sebagai panduan bertindak, sebuah hasil sastera berbicara lebih daripada itu. Pengarangnya ingin mengemukakan perasaan dan pengalamannya dan mengharapkan semua pembacanya turut terkesan. Langsung bentuk dan bahasa yang digunakan harus tepat dengan tujuannya, baik





secara disengajakan atau senada dengan hatinya dan akhirnya akan membuat pembaca sama-sama menikmati perasaan itu.

Oleh yang demikian, ciptaan kesusasteraan berbeza dengan ciptaan-ciptaan seni yang lain. Ia menggunakan bahasa sebagai alat penyampaiannya. Melalui bahasa, keindahan kesusasteraan dapat dirasakan oleh pembacanya. Dengan bahasa juga mereka dapat menggarap isi dan tujuan sambil menghayati segala pengalaman dan perasaan yang tercurah. Sesebuah hasil kesusasteraan yang bermutu tidak mempamerkan bahan atau menggunakan bahasa dan olahan yang indah sahaja tetapi seharusnya juga memiliki unsure-unsur intelek, tersirat dengan emosi dan persaan, penuh dengan ekspresi dan imaginasi serta kaya dengan sifat-sifat kreatif.



Kesusasteraan Melayu tradisional merupakan sebuah karya dan wadah sejak empayar Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kegemilangan sastera Melayu ini kian mekar hingga kini dalam kalangan masyarakat Melayu hari ini sehingga lahirnya sasterawan negara atas sumbangan mereka dalam bidang sastera di Malaysia.

Kesusasteraan Melayu Tradisional terbahagi kepada dua bahagian penting iaitu bersifat bukan naratif dan bersifat naratif. Maksud bersifat bukan naratif adalah melibatkan sastera berbentuk lisan manakala sastera yang bersifat naratif adalah berbentuk tulisan atau teks. Oleh yang demikian, jelas di sini *Sulalatus Salatin* dapat dirangkumkan di dalam kelompok bersifat naratif kerana mempunyai jalan cerita,





watak, isi cerita bahasa yang indah serta diselitkan juga unsur-unsur hiburan dan nilai-nilai seperti moral dan adab dalam sesebuah penceritaan.

Kewujudan Kesusastraan Melayu Tradisional dikatakan semenjak masyarakat Melayu masih belum mengenali sistem tulisan. Pada ketika itu, masyarakat Melayu hanya menitikberatkan kelisanan dalam sastera rakyat mereka. Oleh itu, tidak hairan kewujudan sastera ini muncul selepas sastera lisan di mana sastera lisan hanya melibatkan penceritaan yang bersahaja dan dijadikan teladan bagi masyarakat akan datang, malah ia juga berfungsi sebagai pengisi masa lapang bagi masyarakat di zaman itu untuk menghilangkan kepenatan mereka setelah seharian membanting padi dan menternak binatang. Sastera berbentuk tulisan juga dikatakan telah bermula sebelum 1800 masih lagi. Sastera berbentuk tulisan ini berhasil apabila golongan bijaksana dalam istana seperti temenggong, bendahara, dan laksama telah mula berjinak-jinak di dalam bidang penulisan. Pada mulanya, sastera naratif ini ditulis dalam bahasa jawi dengan menggunakan tangan. Mereka telah menggunakan batang resan dan dakwat hitam bagi setiap penulisan itu. Jelas di sini, sastera berbentuk tulisan ini dipengaruhi oleh golongan bangsawan di istana seperti Tun Seri Lanang, Raja Ali Haji dan ramai lagi. Oleh yang demikian, dengan hasil kebijaksanaan mereka dalam menulis setiap catatan-catatan istana pada ketika itu maka lahirlah teks-teks sejarah yang disanjung tinggi sehingga hari ini seperti teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin 'Long Version'* versi Tengku Said, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Patani* dan banyak lagi penulisan yang masih bahan bacaan dalam bidang kesusastraan Melayu tradisional.





Walau bagaimanapun, tanpa kehadiran sastera lisan sudah pasti sastera teks tidak akan muncul. Oleh itu, sastera lisan merupakan satu karya yang disampaikan melalui penceritaan, nasihat, teguran bahkan menyelitkan unsur-unsur teladan secara tersurat mahupun secara tersirat. Ini adalah kerana sastera lisan ini sangat popular dalam kalangan masyarakat kampung pada satu zaman dahulu bahkan sehingga kini kita dapat saksikan sastera ini giat dilaksanakan seperti ibu menceritakan sebuah kisah kancil dan buaya kepada anak kecil sebelum tidur. Lazimnya, sastera lisan ini bertujuan sebagai hiburan hati setelah penat bekerja, teguran kepada golongan atasan dan bawahan setya memberi didikan kepada generasi supaya sentiasa beradab dan adat tidak hapus dek zaman. Manakala dari pandangan budaya pula, kita dapat katakan itu merupakan salah satu untuk berpesan yang ingin disampaikan secara turun temurun dari satu generasi ke generasi lain.



Sehubungan dengan kajian ini, sastera Melayu tradisional kebanyakannya banyak menceritakan mengenai sejarah kesultanan Melayu dan unsur galur kerabat di raja yang bermula dengan zaman Iskandar Zulkainain. Oleh itu, sastera sejarah terdiri daripada bentuk cerita, prosa dan puisi. Antara beberapa contoh teks sastera sejarah adalah *Sejarah Melayu* (1996), *Tuhfat Al Nafis* (1982), *Hikayat Merong Mahawangsa* (1992), *Hikayat Raja Pasai* (1987) dan *Hikayat Melayu* (1998). *Hikayat Melayu* mengisahkan susurgalur keturunan raja-raja Melayu sehingga berkesinambungan kepada keturunan raja Siak malah Hikayat Melayu juga mengandungi pelbagai unsur sastera yang bercampur gaul dengan unsur sejarah Siak, (Norazimah Zakaria, 2011 ms: 2).





Karya-karya tradisional Melayu secara amnya akan berfokus kepada raja dan pembesar-pembesar yang rapat seperti laksamana, bendahara dan temenggung di mana mereka diletakkan kedudukan yang tinggi dalam pemerintahan. Keagungan raja dan pembesar diangkat menjadi persoalan utama dalam karya-karya kesusasteraan. Oleh itu, raja telah diberikan gambaran yang hebat termasuklah diwarnai dengan unsur-unsur dongeng dan mitos. Seperti contoh, dalam teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* misalnya mengaitkan nasab raja-raja Melaka dengan Iskandar Zulkarnain dari Makadunia. Selain itu, keagungan raja dan pembesar juga digambarkan oleh pengarang-pengarang sastera Melayu tradisional melalui peristiwa yang dianggap penting. Manakala dalam teks *Hikayat Raja-raja Pasai, Sejarah Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* pula terdapat peristiwa-peristiwa ajaib tentang proses pengislaman raja-rajanya. Misalnya, mereka bermimpi bertemu Nabi Muhammad, diludahi mulut mereka oleh Baginda dan tiba-tiba boleh mengucap dua kalimah syahadat dan juga kejadian berkhatanan melalui mimpi.

Selain dari keagungan nasab, kelebihan pakaian, dan kesaktian ciri-ciri kepimpinan juga menjadi acuan penting kejayaan dan kegagalan kepimpinan dalam pentadbiran negeri. Ciri-ciri kepimpinan ini bukan saja dipaparkan dalam *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* tetapi karya-karya tradisional Melayu yang lain seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan sebagainya.





Sulalatus Salatin merupakan karya agung yang dianggap membina isu pembinaan negara kota, kepahlawanan dan kewibawaan tokoh-tokoh, ciri-ciri kepimpinan yang disanjung serta kedaulatan raja-raja Melayu. Oleh itu, kajian ini akan mempertengahkan ciri-ciri kepimpinan tokoh-tokoh Melayu merujuk kepada Karya Agung Sulalat U'S-Salatin dalam memimpin kerajaan Melaka dalam mengharungi segala cabaran dalam negara mahupun luar negara.

Secara khusunya, *Sulalatus Salatin* mengisahkan tentang negara kota iaitu Melaka dari awal pembentukan negeri, zaman kegemilangan sehingga zaman kejatuhan Melaka. *Sulalatus Salatin* begitu mengagungkan keturunan raja melalui unsur-unsur ajaib. Sebagai seorang penulis, Tun Seri Lanang telah menggambarkan kedaulatan dan kepimpinan yang sangat masyur sesebuah kerajaan dengan begitu baik dan teliti. Tun Seri Lanang begitu menggambarkan ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar-pembesar Melaka dengan jelas serta mengolahnya dengan begitu baik sehingga mampu dijadikan teladan pada pemerintah pada masa akan datang. Maka, dalam setiap pengkisahan akan mengkisahkan tentang kepimpinan-kepimpinan yang mampu membentuk sebuah kerajaan disebabkan oleh ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki. Sebaliknya, jika sesorang pemimpin itu tidak mempunyai ilmu dalam memimpin sesebuah kerajaan akan runtuh dengan mudah.

Sejarah Melayu turut dikenali sebagai *Hikayat Melayu* @ *Sulalatus Salatin* merupakan karangan Tun Seri Lanang iaitu Bendahara Johor. Tun Seri Lanang berperanan sebagai penyemak fakta, pengabsahan (dengan merujuk kepada orang tua





yang masih ingat tentang sesuatu peristiwa), alih bahas, perunding tentang adat istiadat, kepercayaan dan sebagainya.

Naskhah *Hikayat Melayu* kemudiannya diberikan nama *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* kerana ia bukan bersifat hiburan semata-mata tetapi turut memaparkan peristiwa yang sebenar dalam sejarah tamadun Melayu. Tun Seri Lanang yang ditugaskan untuk menyusun naskah *Hikayat Melayu* oleh Sultan Alaudin Riayat Shah mempamerkan nilai keunggulan peradaban Melayu secara keseluruhan.

1.2 Latar belakang Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang bersifat literal iaitu segala data-data yang diperolehi adalah bersifat benar dan merupakan fakta. Ini kerana ia melibatkan teks atau karya agung *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said.

Hikayat Melayu ini telah ditulis oleh Tengku Said dan dalam teks ini turt menjelaskan (*ms: 647, 1998*), “Dan yang menyurat Sejarah Melayu ini, Tengku Said; disuruh Tuan Fandarwola, Esti Residen Komisi di dalam Sikudana, kepada tarikh 1272, kepada dua puluh tiga dari bulan Safar, hari Ahad, bermula menyuratnya, adanya. Dan sudahnya kepada delapan hari bulan Rabiulakhir, hari Isnin tamatnya.” Hikayat Melayu ini telah disalin semula oleh Muhammad Nuruddin Acheh dan nama Tengku Said sebagai orang yang menyurat Hikayat Melayu telah diletakkan sebagai





penyalinnya. Hikayat ini selesai disalin oleh Muhammad Nuruddin Acheh pada “sebelas bulan Zulhijah, kepada hari Sabtu. Tamat pada Sanat 1310, di Betawi.”

Tengku Said disebut sebagai anak Raja Akil yang masih kuat memegang kepada kepercayaan mitos iaitu beliau adalah ‘pancaran Sultan Iskandar Zulkarnain’. Berikut merupakan petikan yang menunjukkan bahawa Tengku Said mengaku bahawa dia anak kepada Raja Siak dan berdaulat kesinambungan daripada Iskandar Zulkarnain. Ini telah dicatatkan dalam teks Hikayat Melayu (1998; *ms*: 609-610), Dijawab paduka anakanda Tengku Said, seraya tertawa, “Tahulah aku hai Panglima Putih, adalah kita ini anak Raja Siak, bukan Raja Palembang, sudah kami ini biasa bermain gelombang, anak laut, bukannya anak ulu. Sudah aku ketahui, aku semuanya tiada mati di tanah ulu, maka kami ke mari.”

Dalam Hikayat Melayu, Tengku Said mempunyai hubungan darah dengan Raja Akil (Sultan Abdul Jalil Syah), maka tidak hairanlah kegiatan dan kerjaya politik keturunan serta kaum kerabatnya inilah yang ditampilkan olehnya, malah ketokohan Raja Akil ditonjolkan olehnya semenjak beliau bergiat di Siak lagi. Dengan kedudukannya sebagai anggota kerabat yang berketurunan langsung daripada Raja Kecil, dalam lingkungan kerabat diraja Siak, dan kedudukan moyang saudaranya, Raja Alam, yang pernah memihak kepada Belanda dan telah diletakkan sebagai Raja Siak oleh kuasa Belanda.





Teks agung Hikayat Melayu ini telah dikarang pada tahun 1855, kira-kira enam tahun setelah Raja Akil mangkat pada 1849 iaitu abad ke-19. Hikayat Melayu ini ditulis setelah menerima arahan daripada Tuan Fandarwola atau Von de Wall (penolong Residen di Sukadana pada masa itu). Beliau merupakan seorang tokoh asing, pegawai serta peminat bahasa dan kesusasteraan Nusantara yang muncul dalam kalangan masyarakat Eropah iaitu Belanda yang selama ini menjadi ‘sahabat karib’ Tengku Akil.

Lazimnya, teks sastera sejarah ditulis atas perintah raja atau pemerintah, tetapi Hikayat Melayu ditulis atas perintah penjajah. Walaupun begitu, ia masih mengekalkan tradisi mengangkat golongan pemerintah. Suatu ciri yang menarik, teks ini amat rapat dengan Sejarah Melayu. Pendahuluan teks ini diwarnai dengan perihal kesultanan Melayu Melaka. Pewarnaan peristiwa sejarah terutama susur galur rajanya menjadi titik tolak kepada kesinambungan struktur pemerintahan diraja Siak. Pada abad ke-19, terdapat banyak teks yang lahir dengan pengarangnya menyalin semula Sejarah Melayu pada bahagian awai mukadimahnya. Teks yang lahir pada masa ini masih lagi terikat dengan konvensi, di mana teks-teks yang lahir perlu merujuk teks induk sebagai pengabsahan teks yang baharu. Sebagaimana kerajaan lain yang menerima naungan daripada kesultanan Melayu Melaka, maka seperti itulah juga teks Sejarah Melayu memberi naungan kepada teks-teks di luar jajahannya.

Rujukan kepada salasilah keturunan dalam Sejarah Melayu adalah perkara biasa dalam tradisi penulisan pada masa itu. Rujukan kepada Sultan Iskandar





Zulkarnain menjadi teras utama kepada penulisan Hikayat Melayu ini. Walaupun selepasnya, Raja Kecil akan dikaitkan dengan Sultan Mahmud II, tetapi pengesahan kedaulatan Raja Kecil bermula daripada Iskandar Zulkamain. Hal ini boleh dilihat dalam petikan Hikayat Melayu (1998: 122), "Jikalau engkau asal putera saudaraku di Johor, salasilah daripada Sultan Iskandar Zulkarnain, nenek, nasab Nusirwan Adil, pancar Nabi Allah Sulaiman `alaihi wasallam, tiadalah dapat suatu apa-apa."

Sebagai seorang pengarang yang taat dan setia kepada raja, Tengku Said ibni Tengku Derus telah mengisahkan begitu banyak ciri-ciri kepimpinan yang ada dalam tokoh-tokoh dalam *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said. Beliau begitu menjelaskan ciri-ciri kepimpinan tersebut dengan teliti berdasarkan setiap tindak tanduk yang diambil oleh para pembesar kerajaan Melaka bagi mengukuhkan kedaulatan dan kedudukan mereka sebagai empayar yang gah. Tengku Said ibni Tengku Derus merupakan seorang bendahara raja telah ditugaskan untuk mencatat segala tingkah laku yang berlaku dalam istana mahupun luar istana dalam bentuk sebuah penulisan bagi menjadi rujukan kepada anak cicit pada masa akan datang berkaitan dengan *Sulalatus Salatin* iaitu mengkisarkan kisah-kisah raja. Oleh yang demikian, dalam kisah-kisah raja tidak pernah terlepas dari ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki.

Sifat kepimpinan adalah sesuatu yang lahir secara semulajadi bahkan ia juga boleh ddipupuk sejak kecil lagi. Pemimpin adalah seirang yang memiliki kemampuan dalam memimpin dan mempengaruhi orang lain bagi mencapai matlamat yang telah





ditetapkan di dalam sebuah pentadbiran. Sesuatu yang menarik dalam kepimpinan adalah kewujudan pemimpin yang berada dalam organisasi yang mempunyai struktur pemerintahannya yang tersendiri dengan mewujudkan hubungan pemimpin dengan pengikutnya bagi mencapai kecemerlangan dalam memerintah. Oleh yang demikian, bagi mencapai pencapaian yang cemerlang dalam menguruskan dan mentadbir sesebuah organisasi perancangan yang rapi yang dilakukan oleh seorang pemimpin bagi mendorong pengikutnya meningkatkan kecemerlangan dalam mnegurus dan mentadbir sesebuah organisasi.

Kejayaan seseorang pemimpin dalam memimpin iaitu bermakna dia berjaya mempengaruhi anggota pengikutnya bersama-sama bekerjasama dalam menguruskan

dan melaksanakan pentadbiran sesebuah organisasi

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Kepimpinan merupakan satu tingkah laku yang mempunyai keupayaan mengubah haluan sesuatu organisasi. Kepimpinan mempunyai kriteria-kriteria tertentu dalam usaha mencapai objektif organisasi. Mereka boleh memantau orang bawahan agar mengikut kriteria yang dipilih untuk tujuan pembangunan dan kejayaan di samping dapat mempertahankan corak kerja berpasukan yang erat. Kepimpinan merupakan satu subjek yang menarik kepada semua golongan masyarakat. Kepimpinan memberi gambaran individu yang berkuasa dan dinamik, yang memerintah sesebuah pentadbiran.





Sejarah manusia penuh dengan pemimpin tentera, politik, agama dan sosial. Perjuangan pemimpin yang berani dan bijaksana menjadi intipati legenda dan mitos. Begitu juga dalam *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said, pembesar-pembesar pada zaman itu mereka memegang pelbagai tanggungjawab terhadap sebuah negara seperti yang berlaku pada Bendahara Tun Perak, di mana semasa sultan Melaka mangkat beliau terpaksa memangku tugas-tugas sebagai seorang raja dalam melaksana pentadbiran negeri Melaka supaya terus bergerak dengan lancar bahkan turut dapat mengelakkan serangan dari musuh-musuh seperti negeri Siam. Kenyataan ini turut mengukuhkan kenyataan berkaitan pemimpin ialah orang yang mempengaruhi dan rakyat ialah golongan yang mematuhi dan akur perintah. Hal mempengaruhi dan melakukan sesuatu dengan sukarela itu akan terjadi apabila seorang pemerintah berjaya menterjemahkan matlamat yang dirancang dalam bentuk interaksi dan tingkah laku.

Tambahan itu, menurut Stodgill (1974 ms: 57), kepimpinan adalah satu konsep yang sukar dan kompleks. Beliau melihat kepimpinan sebagai satu fenomena manusia yang universal dan amat sukar difahami. Dinyatakan di sini beberapa definisi yang dianggap sesuai dengan sesebuah organisasi.

Seterusnya, Robert Dubin (1958) turut menjelaskan:

“Leadership in organizations involves the exercise of authority and the making decisions”.





Berdasarkan definisi tersebut kepimpinan merujuk kepada keupayaan serta kebijaksanaan seseorang pemimpin dalam menguruskan kakitangan bawahannya dan sumber yang ada. Ia juga bermaksud sesuatu kuasa yang ada pada seorang pemimpin untuk menggerakkan anggota kumpulannya untuk mencapai matlamat tertentu. Bagi mempengaruhi kakitangan, biasanya seorang pemimpin akan menggunakan pelbagai cara seperti memberi pujian, semangat, sokongan, ganjaran, menunjukkan model yang baik, menjelaskan matlamat yang dikehendaki dan sebagainya.

Menurut Ainan Mohd (2003 *ms*: 11), kepimpinan juga adalah sejenis tingkah laku yang bertujuan mempengaruhi individu-individu lain supaya mereka sanggup dan secara sukarela melakukan apa yang dikehendaki oleh individu yang memimpin.

Dalam pandangan yang lain, kepimpinan ditakrifkan sebagai cara mengorganisasikan kegiatan manusia melalui pemusatankuasa untuk mencapai matlamat kehidupan masyarakat. (Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, 2001 *ms*: 21-22).

Kepimpinan merupakan satu ‘seni’ yang mengarah kepada suatu proses untuk menggerakkan sekumpulan manusia menuju ke suatu tujuan yang telah ditetapkan dengan mendorong mereka bertindak dengan cara yang tidak memaksa kerana mereka mahu melakukannya. (Dahari Derani, 2010 *ms*: 18).

Kepimpinan adalah aktiviti manusia yang berlaku di kalangan orang, dan bukan sesuatu yang dilakukan untuk orang yang terlibat dalam kepimpinan pengikut. Proses kepimpinan juga melibatkan keinginan dan niat, penglibatan yang aktif antara





pemimpin dan pengikut untuk mencapai matlamat yang diinginkan bersama. Oleh itu, pemimpin dan juga pengikutnya tidak bertanggungjawab (tanggungjawab peribadi) untuk mencapai matlamat bersama.

Berdasarkan *Utusan Online* (2015), kepimpinan adalah satu isu penting dalam Islam yang selari dengan hakikat Islam itu sendiri sebagai sebuah agama yang memimpin umatnya ke jalan kebenaran. Kita boleh melihat aspek kepimpinan Islam melalui ajaran dan pegangan yang dibawa oleh Islam melalui dua sumber utama, iaitu al-Quran dan Sunnah. Kepimpinan yang kuat dan kukuh amat diperlukan dalam sesebuah masyarakat dan negara. Kepimpinan yang kuat adalah kepimpinan berteraskan akhlak dan perilaku yang tinggi. Seseorang pemimpin akan diyakini kepimpinannya jika memiliki akhlak dan sahsiah yang baik. Teladan yang murni dizahirkan oleh pemimpin akan menjadi ikutan dan mampu mengikat kebersamaan para pegikut. Sesuatu kepimpinan itu boleh dianggap lemah jika ia tidak dipasangkan dengan faktor akhlak dan sahsiah kerana tanpa sifat ini, kepimpinan dilihat kontang dan boleh merosakkan masyarakat. Bayangkan jika seorang pemimpin itu tidak amanah, mana mungkin mereka dapat menjadi contoh yang baik kepada masyarakat. Lebih bahaya, sikap tidak amanah itu akan ditiru dan dijadikan alasan kepada pengikut untuk turut tidak beramanah.

Kepimpinan yang baik mampu menghasilkan sejarah yang gemilang dan terbilang. Oleh yang demikian, kepimpinan Melayu pada hari ini adalah lanjutan daripada perlaksanaan kepimpinan yang telah dikemudi daripada empayar Melaka





lagi. Ia merupakan kesinambungan yang harus dikaji dan diperkembangkan bagi memperlihatkan ciri-ciri intergriti yang perlu dicontohi oleh pemimpin pada masa ini serta pada masa akan datang.

Seperti hari ini, kita menyaksikan hierarki pemimpin kita diketuai oleh seorang Agong, diiringi oleh sultan bagi setiap negeri. Mereka ini dibantu oleh Perdana Menteri yang berkuasa eksekutif dan akan membantu Agong untuk membuat keputusan kepada tindak tanduk arah negara Malaysia. Oleh yang demikian, semasa empayar Melaka kita dapat saksikan kuasa sultan yang masih sama iaitu memerintah negeri yang ditadbir dan dibantu oleh beberapa pembesar seperti Bendahara, Laksamana, dan Temenggong. Jika diimbas kembali, kuasa Bendahara adalah seiring dengan kuasa yang dimiliki oleh seorang Perdana Menteri pada hari ini di mana kita dapat saksikan Bendahara banyak membantu Sultan dalam menyelesaikan masalah serta memberi pandangan yang bernalas bagi mentadbir sesebuah negeri yang ditadbir. Seperti contoh, yang jelas kelihatan dalam *Sulalatus Salatin*, sikap kepimpinan yang harus dicontohi dan dirujuk adalah seperti Bendahara Tun Perak, Bendahara Tun Mutahir, Sultan Alaudin, Sultan Mansur, Hang Tuah dan Bendahara Tun Ali.

Pada ketika ini, mereka hanya menjalankan tugas kepimpinan berdasarkan syafaat dan ciri-ciri yang dicontohi daripada pemimpin terdahulu atau ahli keluarga mereka yang telah berkhidmat sepenuh masa kepada pihak istana. Melalui itu, mereka dapat memperlihatkan ciri-ciri penting dalam kepimpinan seperti memuliakan orang, bertolak ansur, bijaksana, tegas, berfikiran matang, berpengetahuan, sabar, dan harus





berpegang kepada agama Islam kerana landasan agama Islam membawa seribu kebaikan kebaikan kepada ummahnya. Oleh yang demikian, kita dapat buktikan agama Islam sebagai satu agama yang baik dan telah terbukti pada empayar Melaka yang menjadi gah kerana pemimpin-pemimpin di zaman itu amat mengikuti pemerintahan mereka berdasarkan agama Islam supaya mereka sentiasa dihormati oleh pengikut-pengikut.

Walau bagaimanapun, pemimpin pada hari ini telah mempunyai corak pemerintahan yang harus dijadikan panduan iaitu pada zaman Melaka. Pemimpin-pemimpin hari ini harus mencontohi pemimpin-pemimpin terdahulu bagi mengelakkan sebarang permasalahan yang berlaku seperti kekacauan dalam ekonomi,

persahabatan dengan negara jiran dan sebagainya. Pemimpin pada hari ini sudah ada satu rujukan yang kukuh untuk dijadikan rujukan, tetapi pemimpin-pemimpin ini tidak secara khusus mengikut tindak tanduk serta ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pemimpin di zaman empayar Melaka.

Justeru itu, sebagai seorang pemimpin yang ingin meneruskan legasi kegemilangan empayar Melaka, pemimpin pada hari ini seharusnya mencontohi sikap-sikap positif yang ada pada diri mereka. Oleh itu, melalui kajian ini akan terhasilnya satu nilai dan teladan kepimpinan yang boleh dicontohi oleh setiap pemimpin baik yang di atas mahupun pemimpin sebuah keluarga. Hasil kajian ini akan mengemukakan sebuah kerangka konseptual yang melibatkan konsep kepimpinan yang akan dijadikan panduan khas. Kewajaran model ini dihasilkan





bertitikkan kepada pemerintahan Melayu Melaka adalah dengan adanya bukti apabila Melaka menjadi sebuah negara yang gah dan dipandang tinggi serta disegani sehingga hari ini.

Oleh yang demikian, kajian ini telah merujuk kepada beberapa buah buku yang membincangkan secara mendalam kandungan teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said. Kajian ini telah memilih teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* kerana ingin melihat ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar-pembesar semasa empayar Melaka iaitu terdiri daripada raja dan bendahara. Mereka ini telah diamanahkan untuk menjadi seorang pemimpin kepada rakyatnya bagi memerintah dan mentadbir negeri Melaka. Teks ini secara khususnya tidak mencatatkan nama penulis atau penyalinnya serta tidak menyatakan tarikh yang tepat tulisan teks ini diwujudkan. Teks ini lebih cenderung untuk memberikan nasihat kepada pemerintah supaya tidak melanggar adat sehingga mampu membawa kepada pepecahan dan perbalahan dalam perebutan kuasa pemerintahan dalam mentadbir sesebuah negeri.

1.3 Pernyataan Masalah

Karya sastera sejarah merupakan suatu penulisan yang ingin disampaikan oleh pengarang bagi menyampaikan mesej yang terdapat dalam karya tulisan tersebut kepada masyarakat dan pembaca. Oleh itu, dalam karya sastera sejarah pelbagai keindahan yang cuba disampaikan oleh pengarang. Pengarang memasukkan unsur-unsur estetik atau gaya bahasa yang bersesuaian dengan latar masa watak yang





dimainkan, mesej yang boleh dijadikan panduan pada masa akan datang malah turut mempamerkan ciri-ciri murni yang hadir di dalam sesebuah karya sastera. Secara tidak langsung, ia telah menjadi sebuah karya itu tinggi nilainya dalam bidang ilmu pengetahuan maupun dalam bidang sejarah.

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk membuktikan bahawa teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* mempunyai keunikan yang tersendiri. Dalam teks sastera sejarah, *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* ini mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang boleh dicontohi atau sebaliknya. Hal ini adalah sangat penting terutamanya bagi menerapkan ciri-ciri murni dan kepimpinan dalam diri seorang pembesar khususnya pembesar-pembesar pada hari ini.



Oleh yang demikian, sebagai seorang pemimpin pembesar-pembesar Melaka harus memiliki kepimpinan yang baik dan ciri-ciri kepimpinan yang dipegang oleh setiap pemimpin bagi memastikan perjalanan pentadbiran mereka sentiasa stabil. Konsep kepimpinan dan intergriti sangat berkait rapat dengan kejayaan empayar Melaka yang telah tercatat pada *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said.

Pada hari ini, kita dapat saksikan kepimpinan kita telah dibelenggu dengan masalah-masalah berunsur negatif seperti jenayah berkolar putih, rasuah dan bankrap serta masalah lain yang membawa kepada ketidakstabilan kepimpinan dalam negara. Permasalahan ini telah lama berlaku kerana tidak tertanamnya ciri-ciri kepimpinan





yang perlu ada dalam seseorang pemimpin seperti jujur, telus, bijaksana, bertanggungjawab dan berpengetahuan misalnya. Oleh yang demikian, sekiranya ciri-ciri ini dilentur ke dalam diri seseorang pemimpin sudah pasti gejala-gejala negatif seperti ini tidak akan berlaku dan dapat dielakkan.

Oleh yang demikian, kepimpinan yang baik adalah dengan mengamalkan ciri-ciri kepimpinan yang bercorak positif dan membangun dapat mengelakkan isu-isu yang berunsur negatif seperti rasuah, bankrap, jenayah berkolar putih dan pemalsuan identiti. Malah ciri-ciri kepimpinan ini juga harus diterapkan kepada semua masyarakat itu. Ini kerana dengan cara tersebut pemimpin kita akan bersih daripada gejala-gejala tersebut malah pengikut-pengikut atau orang awam khususnya dapat dielakkan daripada masalah-masalah sosial seperti merompak, merogol, memeras ugut dan sebagainya. Kepimpinan bukan sahaja dapat dilihat di dalam sebuah pentadbiran negara malah gelaran ‘bapa’ dalam sesebuah keluarga juga turut menjelaskan seorang bapa merupakan pemimpin bagi setiap keluarga. Oleh itu, dengan tertanamnya ciri-ciri kepimpinan dalam diri masyarakat sebuah organisasi itu akan sentiasa hormat menghormati dan mengamalkan ciri-ciri murni bagi menjalani kehidupan seharian.

Jelas di sini, ciri-ciri kepimpinan yang positif akan membawa sebuah masyarakat dan negara yang aman dan dipandang tinggi oleh negara jiran serta negara lain seperti yang telah terjadi pada zaman empayar Melaka suatu ketika dahulu. Ternyata, kepimpinan dan ciri-ciri kepimpinan yang diamalkan oleh Tun Perak, Sultan Mansur, Tun Sedang, Tun Ali, Hang Tuah dan Sultan Alaudin membawa perubahan





hasil yang sangat berjaya sehingga mempamerkan kegembiran Melaka dan disebut-sebut sehingga hari ini.

Kajian-kajian ciri-ciri kepimpinan sebelum ini lebih melihat kepada kepimpinan kepенgetuaan, jurulatih dan sebagainya. Manakala dalam kajian kepimpinan yang dinyatakan oleh Salmah Jahn hanya menjurus kepada perhubungan diplomatik yang terbina dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian yang telah dibina bagi memudahkan pengumpulan data.

Hal ini amat penting kerana objektif kajian ini akan memastikan kajian yang dilaksanakan mempunyai matlamat yang betul. Oleh itu, objektif kajian ini adalah:

- 1) Mengenalpasti ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pemimpin dalam teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin 'Long Version'* versi Tengku Said
- 2) Menganalisis ciri-ciri kepimpinan pemimpin terpilih dalam teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin' Long Version'* versi Tengku Said berdasarkan Model Kepimpinan Wahab, Bass & Avilio
- 3) Menghuraikan kesan kepimpinan dalam teks dalam teks *Hikayat Melayu@Sejarah Melayu versi' Long Version'* versi Tengku Said terhadap perkembangan Kesultanan Melayu Melaka





1.5 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian yang merangkumi tiga soalan utama iaitu;

- 1) Apakah ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pemimpin dalam teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said?
- 2) Bagaimanakah ciri-ciri kepimpinan pemimpin terpilih dalam teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin Tengku Said versi’ Long Version’* berdasarkan Model Kepimpinan Wahab, Bass & Avilio?
- 3) Adakah terdapat kesan kepimpinan dalam teks *Hikayat Melayu@Sejarah Melayu Tengku Said versi’ Long Version’* terhadap perkembangan Kesultanan Melayu Melaka?



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan antara kajian ilmiah untuk melihat perihal nilai kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar-pembesar di Melaka. Kepentingan kajian ini adalah untuk memberikan sesuatu yang jelas kepada pembaca serta golongan pelajar untuk memahami secara menyeluruh sesebuah teks sastera sejarah dan sekaligus mampu untuk menilai sama ada teks yang dibaca serta dihayati itu mempunyai ciri-ciri kepimpinan. Malah memperjelaskan ciri-ciri kepimpinan yang ditonjolkan oleh pembesar-pembesar mampu memberi kesan dan panduan kepada pembentukan modal insan mereka. Oleh itu, berdasarkan ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar-





pembesar semasa kesultanan Melaka tersebut boleh diterapkan ke dalam diri setiap pembaca khususnya pelajar.

Pada hari ini, tidak banyak perbezaan di antara pembesar pada zaman Melaka dengan pentadbir negara pada hari ini. Dahulunya, Melaka dikepalai oleh seorang raja dan tugasnya dibantu oleh beberapa pembesar istana seperti Bendahara, Temenggung, dan Laksamana dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian penduduk Melaka. Jika kita lihat struktur pemerintahan pada hari ini, Malaysia diketuai oleh seorang Yang Dipertuan Agong yang merupakan seorang raja bagi sesebuah negeri, seterusnya dibantu oleh Perdana Menteri dan disokong oleh kementerian-kementerian bagi membantu Perdana Menteri. Pada suatu ketika dahulu, Bendahara menjalankan tugas yang padu dan pada hari ini ia telah digelar Perdana Menteri di mana kita dapat saksikan persamaan di antara Bendahara dan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, melalui hasil kajian ini ia turut memberi kesan kepada pemerintahan Malaysia dengan mencontohi ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar-pembesar pada zaman Melayu Melaka. Ini kerana sebagai sebuah kajian ilmiah ia akan berfungsi dan memberi kepentingan kepada semua pihak.

Nilai kepimpinan yang terdapat dalam teks sastera sejarah ini juga diharapkan dapat diimplikasikan dan digunakan dalam kehidupan seharian sesebuah organisasi mahupun keluarga dengan lebih berkesan. Secara umumnya, akan muncul beberapa nilai kepimpinan yang ingin disampaikan melalui teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* yang membolehkan para pembaca mempelajarinya dengan lebih baik dari segi





akhlak, sosial serta mental. Bahkan juga, kepentingan kajian ini turut dapat memberi kesan yang baik atau bermanfaat kepada pembaca supaya menanamkan ciri-ciri kepimpinan yang terdapat dalam teks sastera sejarah *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* dalam membentuk nilai modal insan yang positif.

Bahkan juga, melalui pembacaan teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* unsur-unsur lain juga mampu memberikan cerminan terhadap masyarakat berdasarkan keagungan teks ini. Hal ini kerana kesusasteraan Melayu tradisional ini merupakan salah satu wahana dalam membentuk masyarakat, menjadikan orang Melayu hebat di mata masyarakat lain, kekuasaan pemerintahan Raja Melayu dan banyak lagi. Secara tidak langsung, ia dapat membentuk keperibadian dan sahsiah pembaca. Sekaligus dengan adanya unsur-unsur positif dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai teladan dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, kajian ini penting untuk dilaksanakan kerana ia bakal menjadi bahan rujukan kepada pengkaji akan datang terutama para pelajar di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti. Mereka boleh menggunakan kajian ini sebagai sumber utama untuk penulisan pada masa akan datang. Justeru, jelas di sini kepentingan kajian ini adalah untuk melihat kebenaran ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar dalam teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* memberikan cerminan positif terhadap masyarakat berdasarkan keagungan teks ini dan melihat kebesaran dan kehebatan di zaman pemerintahan kerajaan Melayu Melaka. Oleh itu, kajian ini amat perlu dan wajar dilakukan agar dapat mencapai kehendak tajuk kajian



iaitu ‘Kajian Kepimpinan dalam teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said’

1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini akan melihat ‘Kajian Kepimpinan dalam teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said’. Maka kajian ini terbatas kepada tiga aspek sahaja iaitu yang pertama melibatkan pengkategorian ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar Melaka. Melalui pengkategorian ini, akan terpancar pembesar-pembesar yang memiliki nilai kepimpinan yang positif untuk dikaji. Ini kerana jelas dalam tajuk yang dinyatakan ‘kepimpinan dalam teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said’. Oleh itu, melalui kajian ini akan melihat ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar dan wujud dalam teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said’. Ini kerana tidak dapat dinafikan atas ciri-ciri kepimpinan pembesar-pembesar Melaka inilah menjadikan Melaka terus berkembang pesat dan gah di mata dunia.

Kajian ini adalah berdasarkan *teks Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said yang telah muncul sejak abad ke-19. Karya ini telah menceritakan tentang Hikayat Melayu di zaman pemerintahan Melaka sebermulanya daripada Sultan Muhammad sehingga kewujudan kerajaan Siak yang mengisarkan tentang keagungan Raja Kecil dengan mengagung-agungkan kelahiran Raja Kecil sehingga kemangkatan beliau. Oleh yang demikian, berdasarkan teks utama ini, kajian ini akan berfokus kepada ciri-ciri kepimpinan yang terdapat dalam teks ini dan



dibantu oleh kaedah kepustakaan bagi mendapatkan sumber-sumber sekunder bagi menjadikan kajian ini benar dan sahih. Oleh itu, hanya ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki di dalam teks sahaja yang akan dikaji dan dianalisis dengan teliti berdasarkan teori yang telah dipilih dengan menggabungkan konsep-konsep kepimpinan Islam yang diperkenalkan oleh Abdul Wahab (1992).

Versi teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin* ini merupakan teks yang telah diperpanjangkan iaitu penyalinan semula dengan pengubahan dan penukaran berdasarkan teks *Sejarah Melayu* dari versi oanjang lalu diperlanjutkan riwayatnya sehingga ke pertengahan abad ke-19. Ia telah dilakukan oleh seorang perawi yang berketurunan Siak. Pada masa itu, terdapat empat (4) buah naskhah seperti ini iaitu sebuah di Jakarta KBG 191 W di Museum Pusat yang berjudul *Raja-raja Melayu*, manakala lagi dua buah lagi terdapat di Leiden dan diberikan tajuk *Sejarah Raja-raja Melayu*, iaitu Cod. Or. 6342 dan Cod. Or. 7304. Ada sesetengah pihak yang gemar memanggil teks ini sebagai *Hikayat Raja Akil* atau *Hikayat Siak*. Sebuah naskhah lagi ditempatkan di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London yang bertanda Mal. 138. (Norazimah Zakaria, ms: 26: 2016).

Akhir kata dengan menghubungkan nilai kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar Melaka dengan teori yang dikenalpasti akan melihatkan kemampuan karya agung itu mengubah persepsi pembaca terhadap teks agung dengan zaman moden. Tambahan itu, beberapa teks dan artikel akan dijadikan bahan rujukan sekunder untuk memperkuuhkan lagi kajian ini. Bahan bacaan yang melibatkan teori juga akan





digunakan agar ia dapat membantu ketinggian keperibadian sesuatu pembesar melalui nilai kepimpinan yang dimiliki oleh beliau.

Justeru, menerusi kepelbagaian naskhah teks *Sejarah Melayu* penulis telah memilih teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin* versi panjang oleh Tengku Said ibni Tengku Deris. Kewajaran pemilihan teks ini berbanding naskhah yang lain adalah untuk melihat ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki pemerintah Kesultanan Melayu Melaka oleh Tengku Said dalam menghasilkan teks sastera sejarah mengenai keturunan pemerintahan Siak yang dijelmakan pada abad ke-19. Oleh itu, kajian ini menggunakan sepenuhnya teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said.



1.8 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks. Berdasarkan tajuk kajian ini, kaedah utama yang digunakan sepanjang kajian ini ialah kaedah kepustakaan. Beberapa buah perpustakaan akan dikunjungi bagi mendapatkan data berkaitan dengan kajian seperti Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tambahan itu, kaedah kepustakaan ini akan melibatkan satu sumber primer iaitu teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said.





Melalui teks ini, ciri-ciri kepimpinan yang terdapat dalam diri pembesar akan dikategorikan mengikut teori yang telah dikenalpasti. Teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said akan dirujuk sepenuhnya sebagai rujukan dan sebagai bahan untuk dianalisis.

Kajian kepustakaan dijalankan dengan merujuk teks sastera sejarah yang lain seperti teks Sejarah Melayu edisi A. Samad Ahmad (1996) dan buku berkaitan teori kepimpinan. Seterusnya, kajian ini juga akan merujuk kepada penulisan-penulisan jurnal dan artikel yang berkaitan dengan matlamat kajian ini. Jurnal dan artikel bertindak sebagai sumber sekunder yang boleh dijadikan rujukan serta fakta tambahan dalam kajian ini. Hal ini bertujuan untuk menjadikan kajian ini relevan untuk kajian akan datang. Tambahan itu, ia akan memperkuatkan lagi fakta dan maklumat dalam kajian mengenai Kesusasteraan Melayu Tradisional.

Kajian yang dijalankan adalah menggunakan konsep kepimpinan Islam oleh Abdul Wahab (1992). Strategi kepimpinan Nabi Muhammad telah dipilih sebagai konsep kepimpinan yang akan terbentuk dalam teks teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said’. Strategi kepimpinan Nabi Muhammad adalah berlandaskan al-Quran dan hadis. Teori Kepimpinan Tranformasional ini begitu hampir untuk mengkaji ciri-ciri kepimpinan yang ada pada pembesar pada zaman Melayu Melaka. Oleh yang demikian, kedua-kedua ciri yang terdapat dalam konsep kepimpinan ini akan digabungkan dan disesuaikan dengan pemimpin-





pemimpin empayar Melaka seperti Bendahara Tun Perak, Bendahara Tun Mutahir, Sultan Alaudin, dan Hang Tuah.

1.9 Definisi Konsep

Dalam kajian disertasi ini, penggunaan perkataan dalam tajuk ‘Nilai Kepimpinan Dalam Teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin ‘Long Version’ Versi Tengku Said’ akan diuraikan secara terperinci. Setiap frasa dan perkataan tersebut akan diberikan penjelas dengan konteks penggunaannya dalam perkara-perkara berikut :*

1.9.1 Kepimpinan



Menurut Ishak Mad Shah (2006 ms: 2), kepimpinan adalah satu konsep yang sejagat. Setiap orang malah kanak-kanak kecil turut menggunakan konsep ini dalam urusan kehidupan mereka secara langsung mahupun tidak. Namun, tidak ramai yang memahami konsep kepimpinan ini dengan betul. Oleh yang demikian, tidak ramai yang berjaya dalam melalui proses dan melaksanakan kepimpinan mereka.

Lazimnya, kepimpinan sering dikaitkan dengan ketua negara, komander tentera, ketua atau raja. Pada hari ini, istilah itu telah diubah penggunaan iaialu kepimpinan turut boleh merujuk kepada tahap kepimpinan seseorang pemimpin yang berada di tahap rendah, pertengahan dan tinggi. Kepimpinan sebagai hubungan interpersonal yang dapat menunjukkan kuasa dan pengaruh yang diagihkan secara





tidak sama rata sehingga seseorang itu boleh mengarah dan mengawak tindakan seseorang dalam kumpulanya agar lebih terkawal dan terarah mengikut matlamat yang telah dipersetujui bersama.

Menurut Mohammad Najib Abdul Ghaffar (1999, *ms*: 47) terdapat tiga faktor yang berkaitan dengan definisi kepimpinan. Pertama, kepimpinan mesti melibatkan orang lain atau pihak lain sama ada pekerja bawahan atau pengikut. Dalam hal ini, sebagai ahli kumpulan mereka membantu dalam mentakrif status pemimpin dan mewujudkan proses kepimpinan melalui kesanggupan mereka untuk menerima pengagihan kuasa yang tidak seimbang antara pemimpin dengan ahli kumpulan. Kedua, para pemimpin mempunyai autoriti untuk memberi arahan berkenaan bagi sesetengah kegiatan anggota kumpulan manakala anggota tidak boleh mengarah aktiviti pemimpin mereka. Walau bagaimanapun, sebagai seorang ahli anggota mereka dibenarkan memberi pendapat dan pandangan. Ketiga, selain daripada berkuasa memberi arahan tentang apa yang perlu dilakukan, pemimpin juga boleh mempengaruhi melalui arahan yang dilaksanakan oleh pekerjanya. Kepimpinan yang berkesan memberi kepuasan kepada pengikut dan ianya menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang.

Kepimpinan adalah satu bentuk realiti yang sentiasa wujud di alam ini, kepimpinan adalah sejenis hubungan perilaku manusia, pengaruh, daya tindakan serta penghalangnya ke arah matlamat yang tertentu dengan cara yang boleh menjamin





kepatuhan, kepercayaan dan penghormatan. Kedudukan kepimpinan adalah sangat penting dalam Islam.

1.9.2 Kesusasteraan Melayu Tradisional

Dari segi konsep utama, prosa ini terdiri daripada sastera lisan dan sastera tulisan(teks). Pada zaman prasejarah, kehadiran sebelum bangsa Melayu mengenali sistem penulisan ini adalah bermula dengan sistem lisan iaitu penyampaian dari mulut ke mulut. Jelas di sini bahawa kesusasteraan Melayu itu bermula dengan sistem lisan.



Kesusasteraan merupakan satu pengucapan yang tinggi nilainya sama ada secara bertulis atau lisan. Menurut V.I Braginsky (1994, ms: 5), kesusasteraan Melayu pada abad ke 17 telah menyaksikan puncak kegemilangannya dan tidak pernah terkurung dalam batas kebangsaan. Kesusasteraan Melayu klasik ini seiring dengan tamadun-tamadun lain termasuk kesusasteraan India, Timur Tengah dan Mediterranean.

Kesusasteraan Melayu ini memiliki ciri-ciri yang sering diamati oleh orang Melayu. Ia adalah untuk memelihara gaya hidup suatu masyarakat dan menarik perhatian para pengarang serta peminat atau pembaca teks. Lazimnya, sistem lisan telah menyebabkan kemunculan sistem penulisan dan akhirnya setiap penceritaan dapat disalin dan dikarang dengan baik bagi tontonan masyarakat hari ini merupakan satu kejayaan yang besar dan harus disanjung tinggi.





Oleh yang demikian, kesusasteraan Melayu juga mampu membangkitkan emosi dari setiap bait-bait yang indah untuk dinikmati keindahannya. Menurut A.Teeuw (1974 ms: 3) yang dipetik oleh Norazimah Zakaria (2016 ms: 15) dalam buku Kanon Melayu menjelaskan serba sedikit mengenai keindahan sastera melibatkan kepengarangannya yang kreatif serta berimajinasi tinggi dalam melakarkan sesuatu seperti perperangan, pelaksanaan pentadbiran dalam istana, kehidupan masyarakat pada zaman itu dan sebagainya.

Oleh itu, dengan mudahnya teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* begitu banyak mengisarkan nilai kepimpinan seperti yang ditonjolkan oleh Sultan Mansur, Sultan Alaudin, Bendahara Tun Perak, Bendahara Tun Ali, Bendahara Tun Mutahir, Tun Kudu dan Laksamana Hang Tuah, Raja Kecil dan Tengku Akil.

1.9.3 Konsep Pemimpin dan Kepimpinan

Konsep pemimpin dan kepimpinan telah mendapat perhatian dalam kajian-kajian pelbagai disiplin kerana ia melibatkan pengurusan sesebuah organisasi atau pengurusan. Takrifan pemimpin ialah seni atau proses mempengaruhi orang supaya mereka sentiasa berusaha secara sukarela bagi mencapai matlamat secara bersama. Bahkan juga kepimpinan sering dikaitkan dengan kuasa dan dilihat sebagai satu proses interaksi antara individu dengan keseluruhan ahli kumpulan.





Berikut adalah merupakan definisi beberapa sarjana berkaitan dengan pemimpin dan kepimpinan.

'Pemimpin adalah orang yang layak dan dapat membuat keputusan yang kritis dan dapat bertindak dengan jayanya bagi membawa perubahan yang besar dan tertentu dalam sesuatu organisasi'

(Robiah Kulup Hamzah, 2001)

'Kepimpinan adalah proses mempengaruhi orang lain untuk memahami dan bersetuju tentang apa yang perlu dilaksanakan dan bagaimana melakukannya secara berkesan, dan roses untuk membantu seseorang secara sepakat bagi menjayakan sesuatu matlamat'

(Yulk, 2000)

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan kepimpinan merupakan satu tugas



Ghani Abdullah *et.all*, berdasarkan kajian terhadap Teori Traits yang diperkenalkan oleh Stodgill pada tahun 1947, Stodgill menjelaskan pemimpin mestilah mempunyai sifat kepimpinan iaitu dengan memiliki pengetahuan, keyakinan diri, determinasi, intergriti dan kemahiran bersosial. Kepimpinan yang berkesan dapat diukur dengan melihat keberkesanan pemimpin dan ahli pengikut dalam sesebuah organisasi melaksanakan tugas masing-masing dan kejayaan sesebuah organisasi itu mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, terdapat tiga angkubah keberkesanahan kepimpinan iaitu melibatkan ciri-ciri pemimpin, ciri-ciri kakitangan dan ciri-ciri situasi.

a. Ciri-ciri Pemimpin

i. Perwatakan yang dimiliki seperti motif, personaliti dan nilai





- ii. Keyakinan diri dan bersifat optimistik
 - iii. Kemahiran dan kepakaran
 - iv. Perlakuan
 - v. Intergriti dan beretika
 - vi. Cara mempengaruhi pengikut
 - vii. Pandangan terhadap pengikut
- b. Ciri-ciri Kakitangan
- i. Perwatakan seperti keperluan, nilai dan konsep kendiri
 - ii. Optimis
 - iii. Kemahiran dan kepakaran
 - iv. Pandangan terhadap pemimpin
 - v. Kepercayaan kepada pemimpin
 - vi. Komitmen terhadap tugas dan usaha
 - vii. Kepuasan hati terhadap pemimpin dan tugas yang dilaksanakan
- c. Ciri-ciri Situasi
- i. Jenis organisasi
 - ii. Saiz sesuatu unit dalam organisasi
 - iii. Kedudukan kuasa dan autoriti
 - iv. Struktur tugas dan kesukarannya
 - v. Kebebasan melaksanakan tugas
 - vi. Ketidaktentuan persekitaran



vii. Pergantungan kepada faktor luaran

Kepimpinan adalah satu proses mempengaruhi orang lain untuk melaksanakan tugas-tugas dalam sesebuah organisasi secara sukarela (Fairholm, 1991; Gardner, 2000). Tambahan itu, menurut Gemmil dan Oakley (1992) menjelaskan proses kepimpinan adalah sebuah proses kerjasama antara anggota organisasi dalam merumuskan kaedah baru untuk meningkatkan kualiti sesebuah organisasi. Tambahan itu beliau turut menyatakan bahawa kepimpinan adalah suatu proses untuk mempengaruhi anggota organisasi bagi mencapai tujuan yang dirumuskan oleh pemimpin dan anggota organisasi lain. Secara amnya, kepimpinan adalah satu kemampuan seseorang untuk mempengaruhi orang lain untuk mencapai sesuatu yang sudah dirancang oleh anggota organisasi.

Setiap ahli dalam masyarakat mempunyai tindakan dan personaliti yang berbeza antara seseorang dengan seseorang yang lain. Namun, sebagai pemimpin mampu menjadi pemikir dan mempunyai kredibiliti untuk membentuk masyarakatnya. Sebagai seorang pemimpin, golongan ini harus mempunyai daya intelek yang tinggi, berbakat serta berkemampuan untuk membawa pembaharuan dan kemajuan kepada masyarakat di sekelilingnya.

Oleh yang demikian, bakat merupakan satu aspek yang penting dalam kepimpinan. Bakat merupakan sebuah anugerah yang agung, tidak termilai dan wajar digunakan sebaiknya. Sifat atau bakat kepimpinan yang agung tidak dimiliki oleh



semua orang melainkan mereka yang benar-benar mempunyai karisma sebagai seorang pemimpin yang berjaya. Salah seorang pemimpin agung semasa zaman kegemilangan Islam iaitu Nabi Muhammad S.A.W. dan Hitler. Menurut House (1977), dalam penulisan Sarlito Wiraman Sarwono (2005) mengkategorikan lapan (8) ciri pemimpin berkarisma iaitu:

- i. Keyakinan dan kepercayaan yang penuh terhadap pemimpin
- ii. Kepercayaan dan keyakinan yang sama di antara pengikut terhadap pemimpin
- iii. Pemimpin diterima sepenuhnya oleh pengikut
- iv. Pemimpin sentiasa disenangi dan disayangi oleh pengikut
- v. Pengikut sentiasa taat setia kepada pemimpin
- vi. Keterlibatan secara emosi dari pengikut bagi mencapai matlamat yang ditetapkan
- vii. Pengikut sentiasa menunjukkan peningkatan bagi mencapai tujuan dalam organisasi
- viii. Keyakinan dalam diri pengikut bahawa mereka sedia menyumbang kepada matlamat yang ingin dicapai

Justeru, menurut teori yang dikemukakan House ini, seorang pemimpin berkarisma cenderung untuk mempunyai keperluan yang besar akan kekuasaan, kepercayaan yang tinggi terhadap diri sendiri dan keyakinan yang tinggi dengan





ideologi sendiri. Secara tidak langsung, ia akan memperkuatkan keyakinan dan kepercayaan di antara pengikut dan pemimpin.

Manakala menurut Bass (1977) dalam Sarlito Wiraman Sarwono (2005:50) menambah beberapa faktor yang medasari bakat seseorang pemimpin. Bass turut menjelaskan karisma tidak begitu menampakkan diri mereka sebagai pemimpin. Sebaliknya, pemimpin harus menggabungkan faktor-faktor lain iaitu seperti situasi krisis yang memerlukan pemimpin memberi arahan tentang apa yang harus dilaksanakan. Tambahan itu, pemimpin sebenar mempunyai ciri-ciri pemimpin yang mempunyai karisma dalam peribadinya dan mampu mengangani permasalahan yang berlaku dalam pentadbiran.



Sementara itu, Mohd Rosli Saludin (2008) dalam bukunya berjudul '*Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*'. Menurut Mohd Rosli Saludin, pemimpin dan pengikut merupakan dua objek utama yang saling berkaitrapat untuk memastikan keberkesanan sesebuah kepimpinan. Tarikan yang menguatkan hubungan antara dua objek ini ialah kuasa dan pengaruh yang ada pada pemimpin dan corak interaksi dua hala di antara pemimpin dan pengikut. Hal ini secara tidak langsung, memperjelaskan konsep karisma merupakan satu daya penarik dalam aspek kepimpinan.

Seterusnya, Conger & Kanungo (1978) menyatakan pemimpin karismatik bersifat atribut mempunyai ciri-ciri tertentu dari pemimpin. Oleh itu, terdapat tujuh





(7) ciri yang menyebabkan seseorang pemimpin dianggap sebagai mempunyai nilai atribut iaitu:

- i. Pandangan yang ekstrem antara satu sama lain
- ii. Berani menanggung risiko peribadi dan lebih mengutamakan kepentingan pengikutnya berbanding dirinya sendiri
- iii. Mengemukakan strategi yang inkovensional
- iv. Berkemampuan menilai strategi secara tepat
- v. Kebimbangan yang wujud di antara pengikut
- vi. Kepercayaan yang tinggi terhadap diri sendiri untuk memimpin bagi mengatasi ancaman luar



keterampilan, kejayaan, intelek untuk mendapat sokongan pengikut

Kesimpulannya, kepimpinan adalah satu proses yang melibatkan pengaruh antara kumpulan sosial yang mengandungi ciri-ciri personaliti dan perlakuan untuk mencapai sesuatu matlamat. Kepimpinan merupakan sesuatu yang kompleks dan tidak terikat tetapi memerlukan perubahan agar sesuatu organisasi itu setiasa ke hadapan. Oleh yang demikian, kriteria-kriteria tertentu digariskan sebagai kayu ukur kepada tahap kredibiliti dan kepimpinan seseorang pemimpin dalam sebuah organisasi khususnya empayar Melaka yang melibatkan raja, bendarra dan temenggung dan sokongan rakyat tempatan Melaka.



1.9.4 Optimisme

Optimisme merupakan satu cara untuk berfikir iaitu positif dan realiti dalam memandang sesuatu masalah. Berfikiran positif adalah satu langkah untuk berusaha untuk mencapai sesuatu perkara yang terbaik dalam menghadapi sesuatu perkara. Menurut Lopez dan Synder (2003) menyatakan optimisme adalah suatu harapan yang ada pada seorang individu bahawa sesuatu individu pada arah yang diingini dan serta yakin pada diri sendiri serta kemampuan yang dimiliki. Sikap atau nilai optimisme mampu menjadikan seseorang itu mudah untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi kerana dengan adanya pemikiran dan perasaan ingin memiliki secara kemampuan yang didukung oleh individu. Oleh itu, dengan adanya fikiran yang positif mampu mencapai hasil yang baik. Nilai optimisme ini akan membantu seseorang itu untuk tidak mudah putus asa dalam menghadapi sesuatu kesusahan.

1.9.5 Beriman

Beriman sering dikaaitkan dengan rukun Iman yang diamalkan oleh setiap muslim atau individu yang beragama Islam. Beriman boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu keyakinan di dalam hati, pernyataan dengan lisan dan pembuktian dengan perbuatan. Ini menjelaskan beriman melibatkan tiga aspek iaitu hati, lisan dan pengucapan. Oleh itu, dalam rukun Iman juga tercatat iman beriman kepada Allah, beriman kepada Malaikat, beriman kepada kitab-kitab, beriman kepada rasul dan



beriman kepada kiamat iaitu hari akhir bagi semua muslim. Beriman kepada Allah, Malaikat, Rasul adalah melibatkan kepercayaan yang mendalam tentang keajaiban dan kewujudan mereka manakala beriman kepada kitab-kitab adalah dengan membaca dan memahami isi-isi dalam kitab-kitab dan Al-Quran iaitu menceritakan semua tentang nabi dan kejadian alam semesta ini. Seterusnya melibatkan kepercayaan yang mendalam terhadap peristiwa-peristiwa yang akan berlaku di hari qiamat. Ia juga menunjukkan ketaqwaan seseorang muslim.

1.9.6 Syura

Amalan syura akan meningkatkan komitmen dan rasa penghargaan terhadap diri ahli organisasi sehingga mengukuhkan jati diri seorang muslim yang berperanan menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran. Syura juga merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mendapat keputusan yang sepakat antara pemerintah bagi mendapatkan persetujuan bersama. Bahkan juga, dalam agama Islam turut mewajibkan umatnya bermesyuarat dalam setiap perkara yang berkaitan dengan kebijakan ummah. Melaluinya, segala masalah dapat diselesaikan dan segala tugas serta tanggungjawab dapat dipikul bersama. Ia juga berperanan dalam mengeratkan hubungan silaturrahim dan perpaduan ummah.





1.9.7 Teladan yang Baik

Teladan adalah sesuatu yang patut ditiru atau dicontoh iaitu melibatkan perbuatan, kelakuan, sifat bahkan pengucapan. Oleh yang demikian, dalam aspek pemerintahan Nabi Muhammad sering dijadikan sebagai

Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia, pengertian ‘teladan’ adalah sesuatu yang patut ditiru atau baik untuk dicontoh (perbuatan, kelakuan, sifat). Oleh kerana itu, seringkali orang tua menasihati anak-anaknya agar meneladani sang nabi, pemimpin besar atau pahlawan, dengan belajar dari sifat dan tindakannya. Manfaat dari meneladani para nabi atau pemimpin besar adalah agar mendapatkan inspirasi



1.9.8 Adil

Adil dapat dibahagikan kepada empat iaitu Allah s.w.t, diri sendiri, orang lain dan makhluk lain. Ini dijelaskan secara terperinci seperti di bawah:

- a. Adil terhadap Allah iaitu menempatkan Allah pada tempatnya yang benar, yakni sebagai makhluk Allah dengan teguh melaksanakan apa yang diwajibkan kepada kita seperti membaca Al-quran, solat dan berpuasa.



- b. Adil terhadap diri sendiri iaitu menempatkan diri pada tempat yang baik dan benar. Untuk itu kita harus teguh, kukuh menempatkan diri kita agar tetap terjaga dan terpelihara dalam kebaikan dan keselamatan. Untuk mewujudkan hal tersebut kita harus memenuhi dengan menjaga jasmani dan rohani serta menghindari segala perbuatan yang dapat mencelakakan diri.
- c. Adil terhadap orang lain iaitu menempatkan orang lain pada tempatnya yang sesuai, layak, dan benar. Kita harus memberikan hak orang lain dengan jujur dan benar tidak mengurangi sedikitpun hak yang harus diterimanya.
- d. Adil terhadap makhluk lain iaitu dapat menempatkan makhluk lain pada tempatnya yang sesuai, misalnya adil kepada binatang, harus menempatkannya pada tempat yang layak menurut kebiasaan binatang tersebut.

1.9.9 Matang dalam Tindakan

Matang dalam tindakan dapat melibatkan intelektual yang tinggi. Sebagai seorang pemimpin yang akan menjadi kayu ukur bagi sesebuah negara, seorang pemimpin harus matang dalam tindakan bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian. Pemimpin harus memiliki intelektual yang tinggi supaya matang dalam tindakan yang diambil kelak.



1.9.10 Kekuatan Sifat Dalaman

Konsep kekuatan sifat dalaman yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan mengukur kekuatan yang dimiliki oleh sifat dalam oleh seseorang pemerintah itu. Kekuatan sifat dalaman lazimnya dimiliki secara warisan iaitu dibentuk sejak kecil lagi. Kekuatan sifat dalaman lazimnya melibatkan ciri-ciri kepimpinan berlandaskan Islam iaitu beriman dan adil. Oleh yang demikian, dengan memiliki kekuatan sifat dalaman dalam diri seseorang pemimpin mampu menjamin pentadbiran sesbuah kerajaan.

1.9.11 Perhatian Orang Bawah



Konsep perhatian orang bawah adalah melibatkan melihat kebijakan orang bawah pentadbiran. Konsep ini sangat penting bagi memberi dan membantu pembesar-pembesar dalam kesusahan.

Kesimpulan

Pemilihan tajuk kajian ini adalah berikutan daripada keunikan yang terdapat dalam kepimpinan golongan pembesar pada zaman Melaka. Tun Seri Lanang begitu mendalami, menghayati serta meneliti setiap tingkahlaku yang ditonjolkan oleh pembesar-pembesar dalam teks *Hikayat Melayu@Sulalatus Salatin 'Long Version'* versi Tengku Said. Di samping itu, kajian ini akan dilakukan berkenaan dengan





permasalahan yang terdapat dalam kajin. Sejauh mana teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* ini mampu mencorak kepimpinan dalam generasi hari ini. Ini adalah kerana teks *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* begitu banyak mempamerkan dan mengisarkan keagungan kerajaan Melayu Malaka dengan menonjolkan ciri-ciri kepimpinan yang sangat berwibawa dan harus dicontohi oleh setiap masyarakat.

Seterusnya, kajian ini juga sebuah kajian ilmiah yang berterusan iaitu ia akan terus menerus dijadikan sebagai rujukan pada masa akan datang oleh pelajar-pelajar mahupun pembaca. Ini kerana pensejarahan Melayu iaitu *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin* tidak pernah pupus dan sentiasa menjadi wadah kepada masyarakat Melaka. Maka kajian ini akan melihat dan aspek kepimpinan yang lahir dalam masyarakat Melayu. Setiap aspek kepimpinan yang dicatatkan dalam teks sastera sejarah ini amat bermakna dan sangat penting dalam membentuk sesebuah organisasi.

Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan akan memaparkan ciri-ciri kepimpinan yang boleh dicontohi dan diteladani oleh setiap organisasi dan pentadbiran hari ini. Bahkan juga, teori dan konsep yang telah dipilih dalam kajian ini akan memudahkan dalam proses pengumpulan data dan menganalisis data-data berdasarkan teks utama iaitu *Hikayat Melayu @ Sulalatus Salatin ‘Long Version’* versi Tengku Said.

